

1. Nama Guru : Rohaiza Azlina Binti Zakaria
2. Nama Sekolah : Sk. Syed Ibrahim, Pendang, Kedah
3. Isu / Cabaran : Kesukaran Menulis dan Mengetahui Nilai Nombor
6. Tajuk : Tulis, Sapu dan Kira



7. SINOPSIS :

Menurut Mohamad Daud Hamzah(1996) kanak-kanak mempelajari matematik melalui kegiatan seharian tertentu. Matematik selalunya didefinisikan sebagai pembelajaran mengenai corak struktur , perubahan dan ruang atau kajian mengenal nombor dan gambar rajah.

Masalah yang dihadapi oleh kanak – kanak dalam matematik adalah menulis nombor dengan terbalik sehingga menyebabkan jawapan yang diberi adalah salah. Selain itu, mereka juga sukar untuk memahami konsep masa, ruang, isipadu dan sebagainya. Keadaan ini menyebabkan mereka tidak dapat menguasai kemahiran matematik dengan baik.

Oleh itu, guru perlulah mengenalpasti murid yang mempunyai masalah dalam penguasaan matematik. Kaedah yang boleh digunakan adalah seperti menggunakan Ujian Diagnostik Matematik yang dibina. Melalui ujian tersebut saya dapat membuat analisis mengenai kekuatan dan kelemahan murid tersebut dan dapat merancang rancangan pengajaran harian yang bersesuaian. Melalui kajian ini, saya dapat membantu murid tersebut untuk menguasai kemahiran matematik. Selain itu, saya juga akan mengambilkira aspek persekitaran murid dari segi fizikal persekitaran, persekitaran pembelajaran dan juga persekitaran sosial.

Bahan yang disediakan untuk kajian ini merupakan bahan terbuang yang diubahsuai bersesuaian dengan murid sasaran. Saya amat berharap agar melalui kajian ini akan dapat membantu masalah yang dihadapi oleh murid sasaran tersebut.

Untuk tugas kali ini, saya akan memfokuskan kepada kemahiran menulis nombor dengan betul dan mengenal nombor. Saya juga berharap agar melalui kajian ini nanti akan dapat memberi saya dorongan dan semangat dalam mendidik anak-anak pemulihan.

8. Murid sasaran



Nama : Muhammad Fakhru Islam Bin Aman

Umur : 8 Tahun

Tarikh Lahir : 10.08.2008

Tempat Lahir : Alor Setar

Jantina : Lelaki

Agama : Islam

Tarikh Masuk Sekolah : 01.01. 2015

Alamat Rumah : No. 52 Kg. Bukit Murai, Mukim Padan Pusing 06700

Pendang Kedah

Pekerjaan Bapa : Buruh

Latar Belakang Pendidikan Bapa : Sekolah Menengah

Tinggal Dengan Siapa : Ibu bapa

Bilangan Kanak-kanak Dirumah : 5 orang

Kedudukan Dalam Keluarga : Anak ke 2

9. LATAR BELAKANG :

SOSIAL DAN EMOSI

Muhammad Fakhru Islam merupakan seorang murid yang mempunyai masalah sosial. Dia merupakan seorang kanak-kanak yang pendiam dan tidak aktif. Semasa mengikuti pembelajaran di dalam kelas dia tidak aktif dan seringkali menyendiri. Dia juga sukar untuk menjawab pertanyaan guru. Fakhru juga sering tidak dapat melengkapkan latihan yang diberi. Tahap kemahiran Fakhru tidak setanding dengan rakan pemuliharaan yang lain. Selain itu, Fakhru juga mempunyai sifat rendah diri yang rendah.

Berdasarkan kaji selidik yang dilakukan dengan menemuramah jiran serta rakan sekelas. Fakhru tidak mendapat perhatian di rumah. Ini kerana, dia mempunyai adik beradik yang ramai dan masih kecil. Ini menyebabkan Fakhru kurang berminat untuk belajar dan banyak menghabiskan masa dengan bermain.

10. RASIONAL PEMILIHAN AMALAN TERBAIK

Saya ingin berkongsi sebuah buku yang bermanfaat digunakan kepada anak-anak sendiri semasa mereka di prasekolah. Oleh itu, saya telah menggunakan semula buku tersebut dengan mengitar semula buku tersebut. Saya telah menukar item mengikut kemahiran yang bersesuaian dengan murid serta mengubah dari bahasa Inggeris kepada bahasa Malaysia.

Pemilihan amalan terbaik ini dibuat berdasarkan kepada pemerhatian guru terhadap murid yang bermasalah dalam mengenal dan menulis nombor serta nilai nombor dengan betul. Responden juga didapati menulis beberapa secara terbalik seperti nombor 6, 3. Justeru, guru telah memilih satu kaedah pengajaran dan pembelajaran yang dapat membantu murid. Kaedah yang digunakan ini bersesuaian dengan tahap penguasaan murid terbabit. Diharapkan kaedah ini akan dapat membantu kemahiran murid terbabit.

11. KAEDAH / TEKNIK



Penggunaan Bahan Bantu Mengajar dapat membantu para guru untuk menyelesaikan masalah penguasaan matematik di kalangan murid dan mengekalkan minat belajar matematik kepada para murid. Selain itu juga, penggunaan Bahan Bantu Mengajar telah menjadi keperluan harian kepada pendidik kerana proses pengajaran dan pembelajaran bagi murid- murid pemulihan amat menekankan kemahiran-kemahiran asas Matematik yang bermula daripada pengenalan asas nombor hinggalah kepada penyelesaian masalah.

Dalam konteks sekolah rendah, Program Pendidikan Pemulihan merupakan tindakan yang dijalankan untuk membantu murid-murid yang mengalami kesukaran dalam menguasai kemahiran asas membaca, menulis, dan mengira (3M). Konsep matematik ialah satu bahasa istimewa dan penting yang harus dipelajari oleh semua orang. Cara dan teknik matematik itu sendiri haruslah dikuasai jika kita hendak mendalami bahasa bidang tersebut. Konsep matematik ialah satu cara berfikir, kajian pola, kajian perhubungan, satu seni, dan bahasa yang tersendiri, satu alat dalam kehidupan sosial dan rekreasi manusia. Konsep pendidikan pemulihan matematik ialah satu tindakan yang diambil untuk mengatasi masalah pembelajaran murid-murid yang lemah dalam matapelajaran matematik di sekolah rendah amnya. Pendidikan Pemulihan ini lebih menumpukan kepada kemahiran-kemahiran asas seperti nombor, operasi tambah, operasi tolak, operasi darab dan operasi bahagi.

Kaedah Pemulihan Matematik dapat melatih murid-murid menggunakan kemahiran asas yang telah dipelajari seperti menyelesaikan masalah untuk diaplikasikan dalam kehidupan seharian dan membantu murid-murid membina keyakinan dalam diri mereka.

Penggunaan buku ini diharap akan dapat membantu murid untuk menulis nombor dengan kaedah yang betul.

Contoh Rancangan Pengajaran Harian:

Langkah Pengajaran dan Pembelajaran		
Set Induksi 5 minit	<ol style="list-style-type: none"> 1. Guru menayangkan slaid powerpoint "Mari Mengira". 2. Murid diminta untuk menyebut nombor bersama-sama. 3. Guru mengaitkan slaid tersebut dengan isi pengajaran pada hari tersebut. 	<p>Catatan</p> <p>Guru perlu :</p> <ol style="list-style-type: none"> 1. Menarik perhatian murid terhadap perkara yang hendak diajar 2. Menimbulkan minat murid. 3. Menggalakkan penyertaan murid. 4. Memberitahu apa yang hendak diajar.
Langkah 1 20 minit	<p>Interaksi PdP</p> <ol style="list-style-type: none"> 1. Guru menyediakan buku nombor. 2. Guru mempamerkan buku tersebut dan murid diminta untuk mengambil kad nombor berdasarkan nombor di dalam buku. 3. Murid diminta untuk melekatkan kad nombor tersebut mengikut turutan yang betul. 	<p>Guru perlu :</p> <ol style="list-style-type: none"> 1. Penyampaian isi pelajaran mestilah teratur. 2. Kadar kelajuan sesuai dengan tahap murid. 3. Mempelbagaikan aktiviti mengikut kebolehan murid. 4. Mewujudkan persekitaran pembelajaran yang kondusif.
Langkah 2 20 minit	<ol style="list-style-type: none"> 1. Guru meminta murid untuk mengira objek di dalam buku. 2. Murid menulis nombor mengikut bilangan objek. 3. Guru membimbing murid untuk menulis nombor dengan betul. 4. Murid dan guru menyemak jawapan bersama-sama. 	<p>Komunikasi</p> <ul style="list-style-type: none"> - Lantang - Kuat - Jelas - Nada dan intonasi pelbagai - Peka dengan bahasa murid - Bahasa standard.
Langkah 3 15 minit	<p>Aktiviti Pengukuhan (permainan)</p> <ol style="list-style-type: none"> 1. Guru meminta murid untuk mengira bilangan objek mengikut 	

	soalan. 2. Murid mengira dengan kuat berdasarkan objek. 3. Murid menulis jawapan pada ruang yang telah disediakan. 4. Murid dan guru menyemak jawapan	
Penutup 5 minit	1. Guru merumuskan pengajaran pada hari tersebut. 2. Guru menunjukkan semula kad-kad soalan bagi mengukuhkan ingatan murid. 3. Guru memberikan token bagi setiap aktiviti yang berjaya diselesaikan oleh murid dengan betul.	<ul style="list-style-type: none"> - Penutup kognitif menarik perhatian murid. - Penutup sosial membina rasa - Memastikan semua hasil pembelajaran tercapai melalui aktiviti PdP yang dilaksanakan. - Menerapkan aplikasi nilai dengan baik. - Berkesan - Mengikut kesesuaian masa.

Kaedah Pemilihan

Kaedah ini dipilih berdasarkan kepada pengalaman menggunakan kaedah ini terhadap anak-anak saya sendiri semasa mereka di prasekolah. Saya dapati penggunaan buku ini amat berkesan dan mudah untuk digunakan. Justeru, telah memberikan saya idea bagi mengubahsuai buku ini untuk digunakan semasa pengajaran dan pembelajaran di kelas pemulihan. Buku ini telah diunah dari bahasa Inggeris ke bahasa Malaysia agar lebih mudah untuk difahami. Ini kerana, Pendidikan Pemulihan ini lebih menumpukan kepada kemahiran-kemahiran asas seperti nombor , operasi tambah, operasi tolak dan operasi bahagi. Kaedah pemulihan matematik dapat melatih murid – murid menggunakan kemahiran asas yang telah dipelajari seperti menyelesaikan masalah untuk diaplikasikan dalam kehidupan harian dan membantu murid-murid ini untuk membina keyakinan diri. Contohnya, apabila mereka berjaya menyelesaikan masalah dan dapat memahmai tentang apa yang telah dipelajari, mereka akan berasa yakin dengan kebolehan diri sendiri dalam matapelajaran matematik. Justeru itu, melalui kaedah ini akan memberikan penekanan terhadap kemahiran mengenal nombor serta operasi tambah.

12. PERINCIAN AKTIVITI :

1. penggunaan slide powerpoint yang memaparkan nombor.

2. murid mengira dan menyebut nombor yang dipaparkan.
3. murid menyebut nombor yang dipaparkan dan memadankan dengan kad nombor yang telah disediakan.
4. seterusnya, murid memadankan kad nombor bersama kad objek.
5. murid menulis nombor di dalam buku tulis, sapu dan kira yang disediakan.



6. murid dan guru menyemak jawapan bersama –sama.



7. murid diminta untuk menyelesaikan aktiviti yang disediakan di dalam buku tersebut dengan bimbingan guru. Seperti :

- a. Mengira dan menulis
- b. Mari mengira
- c. Kiraan menaik
- d. Kiraan menurun
- e. Operasi tambah
- f. Operasi Tolak



8. Seterusnya, murid diminta untuk menjawab soalan bagi menguji tahap pemahaman dan penguasaan murid terhadap pengajaran dan pembelajaran tersebut.

9. murid menjawab soalan penilaian yang disediakan.

10. murid akan diberikan bintang / token diakhir pdp sebagai ganjaran jika berjaya menyelesaikan setiap aktiviti yang telah disediakan.

13. Kaedah Pentaksiran Semasa PdP

Didalam buku kira, sapu dan sisih tersebut telah disediakan aktiviti yang boleh digunakan bagi mentaksir tahap pemahaman murid terhadap kemahiran yang telah dipelajari. Beberapa soalan latihan disediakan. Murid dikehendaki untuk menjawab kesemua soalan dengan betul. Kaedah yang digunakan ialah :

1. Kaedah Lisan

Melalui kaedah ini guru akan berinteraksi dengan murid terhadap isi kandungan pdp. Selain itu, murid juga kan diminta untuk menceritakan mengenai pembelajaran pada hari tersebut. Contoh aktiviti :

2. Kaedah Penulisan

Melalui kaedah ini pula murid akan diminta untuk melakukan aktiviti yang melibatkan penulisan. Misalnya murid diminta untuk melengkapkan latihan yang disediakan oleh guru. Selain itu, murid juga diminta untuk menulis nombor atau melukis objek berdasarkan nombor yang disebut oleh guru

3. Merekod

Guru akan merekod setiap perkembangan murid berdasarkan aktiviti yang telah dijalankan. Melalui kaedah ini guru akan dapat mengetahui mengenai perkembangan dan pencapaian murid secara individu.

4. Penilaian Ujian

Melalui penilaian ujian guru dapat merancang dan merencana pengajaran seterusnya. Hasil ujian tersebut dapat memberikan gambaran kepada guru tentang keupayaan murid sebenarnya. Justeru, membolehkan guru merancang pengajaran yang bersesuaian dengan kemahiran murid.

14. Nilai Murni Yang Diterapkan

Semasa berlakunya pengajaran dan pembelajaran guru telah menerapkan nilai murni yang boleh dijadikan amalan seharian murid. Antara amalan nilai murni yang diterapkan ialah :

a. Bertanggungjawab

Murid bertanggungjawab untuk menyiapkan semua kerja rumah yang diberikan oleh guru berdasarkan topik yang telah dipelajari.

b. Berdisiplin

Setiap murid mestilah menjaga tingkah laku semasa proses PdP berlaku. Murid mestilah berdisiplin semasa guru sedang mengajar serta semasa melakukan aktiviti di dalam kelas.

c. Rajin

Penerapan nilai ini amat penting kerana amalan rajin akan membolehkan murid berjaya dalam pelajaran. murid bukan sahaja perlu rajin semasa berada di sekolah tetapi juga rajin menyiapkan kerja rumah serta rajin mengulangkaji pelajaran. ini membolehkan murid untuk mudah mengigati pelajaran yang diajar oleh guru.

15. Kekuatan Kaedah / Teknik Yang Dipilih

Penyediaan buku ini dapat menarik minat murid pemulihan untuk belajar. Ini kerana, buku Tulis, Sapu dan Kira ini berbeza jika dibandingkan dengan buku latihan yang lain. Kesemua aktiviti di dalam buku ini dapat membantu murid untuk belajar menulis dan mengetahui nilai nombor.

Teknik menulis di dalam buku menggunakan pen magik ini juga jarang sekali digunakan. Murid bukan sahaja boleh menulis sendiri di dalam buku ini, malahan boleh menyemak jawapan. Murid juga boleh mamadankan jawapan jika salah. Selain itu, penggunaan warna serta gambar sebenar juga dapat menarik minat murid untuk menggunakan buku ini.

Malahan, guru juga boleh mempelbagaikan aktiviti semasa PdP berlangsung. Murid amat teruja menggunakan buku ini.

16. Impak

Secara keseluruhannya, saya mendapati selepas guru memperkenalkan penggunaan buku ini semasa proses PdP minta murid untuk mempelajari matematik amat tinggi. Murid juga menunjukkan keseungguhan untuk belajar. Murid memberikan komitmen yang tinggi semasa guru mengajar.

